

PENDEKATAN RUKUN KEYAKINAN MALAYSIA MADANI DALAM KONTEKS WARGA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) SEBAGAI PEMBAYAR DAN PENERIMA ZAKAT

THE MALAYSIA MADANI PILLAR OF TRUST APPROACH IN THE CONTEXT OF HIGHER EDUCATION INSTITUTION (HEI) COMMUNITIES AS ZAKAT CONTRIBUTORS AND BENEFICIARIES

ⁱ*Muhammad Azhad Al-Bohari & Azman Ab Rahman

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

* (Corresponding Author): azhadsampj@gmail.com

ABSTRAK

Perdana Menteri Malaysia ke-10 telah memperkenalkan gagasan Malaysia Madani sebagai kerangka pembangunan negara yang bertujuan memperkasakan pembangunan ekonomi dan kebudayaan berasaskan nilai, etika dan akhlak. Gagasan ini diperkukuhkan melalui enam rukun utama yang boleh diterapkan dalam pelbagai sektor, termasuk institusi zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Artikel ini bertujuan membincangkan konsep Malaysia Madani serta tinjauan terhadap enam rukun yang mendasarinya. Tumpuan khusus diberikan kepada rukun Keyakinan dalam konteks warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai pembayar dan penerima zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan pemerhatian bagi mengumpul data serta menganalisis kandungan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan rukun Keyakinan dalam konteks pembayar zakat amat signifikan dalam meningkatkan kesedaran kewajipan membayar zakat dalam kalangan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Manakala dalam konteks penerima zakat, keyakinan terhadap kecekapan pengurusan zakat IPT mendorong pemanfaatan bantuan secara berkesan bagi meringankan beban kewangan pelajar dan kakitangan IPT yang memerlukan. Sehubungan itu, kajian lanjutan terhadap penerapan baki lima rukun Malaysia Madani boleh dilaksanakan dalam konteks pembayar dan penerima zakat.

Kata Kunci: *Malaysia Madani, Rukun Keyakinan, pengurusan zakat, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pembayar dan penerima zakat*

ABSTRACT

The Malaysia Madani initiative was introduced by the 10th Prime Minister of Malaysia as a national development framework aimed at strengthening economic and cultural development based on values, ethics and moral principles. This initiative is reinforced through six main pillars that can be applied across various sectors, including zakat institutions in Higher Education Institutions (HEIs). This article aims to discuss the concept of Malaysia Madani and provide an overview of its six underlying pillars, with specific focus on the Pillar of Trust in the context of HEI communities as zakat payers and recipients. This study adopts a qualitative approach using documentation and observation methods to collect data and analyse content descriptively. The findings indicate that the application of the Pillar of Trust among zakat payers significantly enhances awareness of the obligation to pay zakat within the HEI community. Meanwhile, in the context of zakat recipients, trust in the efficiency of HEI zakat

management encourages the effective utilisation of assistance to alleviate financial burdens, thereby supporting students' educational continuity and the well-being of HEI staff in need. Therefore, further studies on the application of the remaining five Malaysia Madani pillars may be conducted in the context of zakat payers and recipients.

Keyword (s): *Malaysia Madani, Pillar of Trust, zakat management, Higher Education Institutions (HEIs), zakat payers and recipients*

PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. Kewajipan ini mempunyai kedudukan yang penting dalam Islam dan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab asas seorang Muslim. Penentuan golongan yang berhak menerima zakat telah dijelaskan secara jelas dalam al-Quran melalui Surah al-Tawbah ayat 60 sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْعَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَيْنَ السَّبِيلِ
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

[al-Tawbah, 9: 60]

Usaha memartabatkan kesejahteraan ummah di peringkat nasional telah mendorong kerajaan memperkenalkan gagasan Malaysia Madani sebagai satu kerangka reformasi yang menyeluruh bagi menghadapi realiti semasa yang semakin kompleks. Salah satu rukun utama dalam gagasan ini ialah rukun Keyakinan yang menekankan pembinaan kepercayaan melalui ketelusan, integriti dan amalan tadbir urus yang baik. Apabila prinsip Keyakinan ini diaplikasikan dalam ekosistem zakat, ia berperanan sebagai asas utama bagi memastikan pengurusan dana zakat dilaksanakan secara telus dan berintegriti, sekali gus menjamin matlamat sosioekonomi dalam melindungi kebajikan asnaf dapat dicapai dengan berkesan. Rukun ini bukan sekadar tertumpu kepada aspek pengurusan teknikal, sebaliknya mencerminkan komitmen etika dan nilai amanah yang merangkumi tuntutan kehidupan dunia serta tanggungjawab keagamaan.

Sejajar dengan aspirasi tersebut, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia kini memikul peranan strategik apabila dilantik sebagai penolong amil atau ejen kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam mengurus kutipan dan agihan zakat di peringkat universiti (Salleh & Chowdhury, 2020). Peranan ini menjadi signifikan kerana IPT mengurus dua kelompok pemegang taruh utama dalam satu ekosistem yang sama, iaitu kakitangan dan pelajar sebagai pembayar dan penerima zakat. Pelantikan ini telah memberikan kesan positif terhadap peningkatan dana kutipan zakat melalui pelaksanaan sistem potongan gaji yang lebih teratur dan sistematik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan peranan tersebut turut menuntut tahap

keyakinan yang lebih tinggi dalam kalangan warga kampus terhadap keupayaan unit zakat universiti untuk mengurus dan mengagihkan dana zakat secara adil, telus dan tanpa kecaciran.

Walau bagaimanapun, pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak terlepas daripada cabaran krisis kepercayaan yang berpunca daripada persepsi negatif terhadap tahap ketelusan agihan dan kecekapan pengurusan amil. Keadaan ini timbul apabila wujud tanggapan bahawa pengurusan dana zakat tidak dilaksanakan secara sistematik, di samping berlakunya kerenah birokrasi dalam proses permohonan bantuan serta kekurangan pendedahan maklumat berkaitan keberkesanan agihan zakat kepada pelajar asnaf. Sekiranya kepercayaan terhadap institusi zakat terhakis, pembayar zakat berkemungkinan meragui integriti pengurusan sedia ada dan cenderung menunaikan zakat secara terus kepada penerima, yang akhirnya boleh menjejaskan keberkesanan sistem kutipan zakat rasmi di peringkat IPT.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka pendekatan rukun Keyakinan Malaysia Madani dalam pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Fokus perbincangan diberikan kepada peranan warga IPT sebagai pembayar dan penerima zakat, melibatkan kakitangan dan pelajar. Penekanan diberikan terhadap aspek ketelusan, keadilan agihan dan integriti pengurusan. Penerapan nilai keyakinan diyakini mampu mengukuhkan kepercayaan warga kampus terhadap institusi zakat IPT serta memperkasakan golongan asnaf khususnya pelajar untuk meningkatkan kebajikan dan taraf kehidupan mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen yang berkaitan dengan pengurusan zakat, rukun Keyakinan Malaysia Madani serta pelaksanaan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dokumen yang dianalisis merangkumi tesis, buku, prosiding seminar, jurnal dan artikel kajian yang relevan, sama ada dalam bentuk bercetak atau sumber digital. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tema dan dapatan yang berkaitan, seterusnya dirumuskan untuk menyokong perbincangan dan kesimpulan kajian.

DAPATAN KAJIAN

KONSEP MALAYSIA MADANI

Konsep masyarakat dan negara madani telah diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim melalui ceramahnya di Festival Istiqlal, Jakarta pada 26 September 1995. Beliau menjelaskan bahawa kedatangan Islam bukan sekadar membawa pandangan hidup baharu yang menekankan peranan akal dan pemikiran rasional, malah turut mencetuskan perubahan ruhaniah dan intelektual yang mendorong transformasi sosial serta mengangkat kemuliaan insan (Zulfiani, 2019). Seiring dengan perkembangan semasa, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan gagasan Malaysia Madani sebagai satu kerangka pembangunan negara yang berpaksikan enam rukun utama, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Kerangka ini telah diperkenalkan secara rasmi oleh Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia ke-10 melalui amanat bertajuk Membangun Malaysia Madani yang disampaikan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 19 Januari 2023. Menurut beliau, istilah Madani merujuk kepada suatu bentuk tatakelola yang adil dan berkesan sebagaimana yang pernah dipraktikkan dalam sejarah masyarakat Islam di Madinah di bawah kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Keutuhan sistem tersebut dizahirkan melalui Sahifah Madinah yang bersifat

menyeluruh, inklusif dan berorientasikan kemaslahatan seluruh warga masyarakat (Anwar Ibrahim, 2023).

Enam rukun teras Malaysia Madani turut digariskan dalam amanat tersebut seperti yang digambarkan dalam gambar rajah di bawah.



Gambar Rajah 1: Enam Rukun Malaysia Madani
Sumber: *Laman Astro Awani, The Sun Daily dan Media Selangor*

Gambar Rajah 1 menunjukkan enam rukun Malaysia Madani iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya Cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) yang menjadi asas dalam menentukan hala tuju negara ke arah pembinaan sebuah masyarakat dan negara yang maju serta sejahtera. Keenam-enam rukun ini membentuk suatu kerangka visi nasional yang dirangka secara bersepadu dan menyeluruh serta berorientasikan masa hadapan bagi membangunkan masyarakat madani yang progresif, berdaya saing dan inklusif.



Gambar Rajah 2: Definisi Enam Rukun Malaysia Madani
Sumber: *Laman Sosial Media Jabatan Perdana Menteri*

Secara keseluruhannya, enam rukun Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan membentuk satu kerangka menyeluruh yang menjadi asas kepada gagasan Madani. Keenam-enam rukun ini berfungsi sebagai tonggak utama dalam pembentukan dasar Malaysia Madani serta menjadi panduan terhadap hala tuju pembangunan negara. Setiap rukun membawa peranan dan nilai tersendiri yang berfungsi sebagai pemacu dalam proses membangunkan negara secara berperingkat dan berterusan. Gagasan Malaysia Madani dirumuskan berdasarkan pengalaman luas Perdana Menteri merangkumi perkhidmatan awam, kepimpinan dalam pelbagai kementerian, penglibatan di peringkat antarabangsa serta pengalaman sebagai pendidik di institusi pengajian tinggi terkemuka dunia.

Konsep Madani perlu difahami secara menyeluruh agar hasrat dan wawasan yang digariskan dapat direalisasikan serta menepati keperluan semasa, termasuk tuntutan syarak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan Madani atau مدني merupakan istilah yang berasal daripada bahasa Arab dan membawa maksud kemajuan dari sudut pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Istilah ini turut merujuk kepada usaha membentuk masyarakat melalui penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan serta pembangunan kurikulum atau manhaj yang terarah kepada pembinaan masyarakat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Tradisi pemikiran Barat sering mengaitkan istilah madani dengan konsep *civil society* atau masyarakat sivil yang berasal daripada istilah Latin *civilis societas*. Konsep ini merujuk kepada fenomena kehidupan individu dan sosial yang teratur. Pemikiran tersebut telah digunakan oleh Cicero yang menjelaskan bahawa masyarakat sivil boleh difahami sebagai suatu bentuk masyarakat politik yang berasaskan undang-undang dalam mengatur kehidupan bersama (Wahyu, 2020).

Sebahagian sarjana berpandangan bahawa istilah Madani berasal daripada perkataan Madinah yang dikaitkan dengan konsep *madaniyyah* atau peradaban. Berdasarkan kefahaman ini, masyarakat Madani dapat ditakrifkan sebagai masyarakat yang beradab serta menjunjung tinggi nilai-nilai peradaban dan kemanusiaan. Istilah masyarakat Madani mula diperkenalkan di Asia Tenggara pada tahun 1995 oleh Anwar Ibrahim dan kemudiannya dikembangkan di Indonesia oleh Nurcholish Madjid (Wahyudi, 2022). Konsep masyarakat Madani berbeza

daripada pendekatan masyarakat sivil Barat yang lebih menekankan kebebasan individu. Sebaliknya, masyarakat Madani difahami sebagai satu sistem sosial yang berasaskan nilai moral dan etika bagi menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat secara menyeluruh.

Secara umum, konsep Madani telah wujud sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, para cendekiawan dan pemimpin kontemporari mentafsir serta mengaplikasikannya mengikut konteks dan kerangka peradaban negara masing-masing, sama ada berasaskan tradisi Barat atau Islam. Nilai-nilai peradaban yang terkandung dalam konsep Madani seperti kesaksamaan, keadilan dan toleransi wajar dijadikan panduan oleh pemimpin masa kini dalam usaha membangunkan negara dan masyarakat yang berteraskan nilai kemanusiaan. Penerapan konsep Madani yang berlandaskan Islam diyakini mampu menyumbang secara positif kepada pembentukan negara melalui kelahiran masyarakat yang beradab serta memiliki nilai moral yang tinggi.

TINJAUAN ENAM RUKUN MALAYSIA MADANI

Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim berhasrat agar negara yang ditadbir olehnya diurus secara adil dan saksama serta masyarakat dapat dibangunkan dengan baik ke arah pembinaan peradaban bangsa. Prinsip ini selari dengan ajaran Islam yang menekankan kepimpinan berteraskan keadilan, amanah dan penghayatan nilai-nilai murni dalam pentadbiran negara dan pengurusan masyarakat. Sehubungan itu, gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan bersifat menyeluruh dan universal melalui enam rukun utamanya iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Keenam-enam rukun ini mencerminkan amalan nilai murni yang sangat dituntut dalam Islam dan menjadi asas kepada pembentukan tadbir urus negara yang berteraskan keadilan serta kesejahteraan.

1. Kemampanan

Istilah “kemampanan” berasal daripada perkataan dasar mampan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mampan bermaksud mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik (bukan ekonomi, pembangunan dan sebagainya) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Dalam bahasa Inggeris, istilah ini sinonim dengan perkataan *sustainable*. Beberapa sarjana juga berpendapat bahawa mampan mempunyai makna yang hampir sama dengan lestari, kerana kedua-duanya menekankan konsep keseimbangan dan kesinambungan dalam pembangunan.

Menurut Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dalam kerangka Malaysia Madani, konsep kemampanan diertikan sebagai kemajuan kualiti hidup rakyat yang berasaskan keseimbangan antara manusia dan alam, berpaksikan identiti Malaysia yang unik. Keseimbangan ini menuntut pelaksanaan keadilan kepada semua lapisan masyarakat tanpa sebarang bentuk diskriminasi, kezaliman atau penindasan. Seorang pemimpin yang berpegang pada prinsip kemampanan perlu bersifat adil, saksama dan menjauhi segala bentuk ketidakadilan, sebagaimana yang ditekankan dalam ajaran Islam. Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقُوا الظُّلْمَ فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Hindarilah kezaliman kerana kezaliman itu adalah kegelapan pada hari kiamat kelak.

(Hadis Riwayat Muslim: 2578)

2. Kesejahteraan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “sejahtera” didefinisikan sebagai aman dan makmur, senang dan tenteram, serta terpelihara daripada bencana, kesusahan dan gangguan. Berdasarkan definisi tersebut, dapat difahami bahawa rukun Kesejahteraan dalam konsep Malaysia Madani membawa maksud keseimbangan hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan yang berlandaskan keharmonian dan kestabilan. Justeru, usaha untuk mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan rakyat perlu mengambil kira pembentukan sikap yang baik, beretika dan mampan.

Menurut Sodiq (2015), ukuran kesejahteraan dalam Islam berasaskan tiga elemen utama: tauhid (keyakinan kepada Allah SWT), kecukupan daripada rasa lapar (pemuahan keperluan asas hidup), serta hilangnya ketakutan dan kebimbangan. Hal ini menunjukkan bahawa kesejahteraan menurut Islam tidak hanya bersifat material, tetapi menekankan kestabilan spiritual dan keamanan jiwa. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۖ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ۚ

Maksudnya: Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Pemilik rumah ini (Ka'bah). Yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan.

[al-Quraysh, 106:3–4]

3. Daya Cipta

Daya cipta merupakan rukun ketiga daripada enam rukun Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri. Istilah “daya cipta” merangkumi makna pembaharuan reka cipta dan penciptaan baharu yang berasaskan perubahan secara kreatif. Teras kepada daya cipta ialah keupayaan mengubah sesuatu secara terancang dan bermakna. Konsep ini menjadi asas penting dalam usaha membangunkan Malaysia Madani yang progresif dan mampan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2014) daya cipta ditakrifkan sebagai keupayaan atau kebolehan mencipta. Takrif ini menunjukkan bahawa daya cipta merupakan satu proses melahirkan idea atau konsep baharu sama ada melalui penciptaan baharu atau penambahbaikan terhadap perkara sedia ada. Dalam perspektif Islam nilai daya cipta sentiasa dituntut kerana Allah SWT menggalakkan hambanya untuk berusaha mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik tanpa melanggar syariat. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT:

لَهُ مُعَقَّبَاتٌ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُعَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا هُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ۝ ١١

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki

keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia.

[al- Ra'ad, 13:11]

Ayat tersebut menegaskan bahawa perubahan nasib seseorang bergantung kepada usaha yang dilakukan oleh individu atau masyarakat itu sendiri. Allah SWT tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sekiranya mereka tidak berusaha mengubah keadaan diri mereka. Prinsip ini terpakai sama ada dalam konteks kebaikan atau keburukan yang dihasilkan oleh perbuatan manusia. Oleh itu pembaharuan dalam kehidupan menjadi suatu keperluan yang berterusan. Keperluan ini menjadi lebih penting dalam konteks pentadbiran sesebuah negara yang menuju ke arah kemajuan. Nilai daya cipta berperanan memastikan pembaharuan yang dilaksanakan mampu melahirkan idea dan pendekatan baharu yang lebih kreatif dan inovatif. Hasil daripada daya cipta ini memberi kesan positif kepada pelbagai aspek kehidupan termasuk pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

4. Hormat

Perkataan "hormat" merupakan istilah yang sering dikaitkan dengan nilai-nilai murni atau mahmudah. Amalan saling hormat-menghormati sesama insan bukan sahaja mendatangkan kebaikan malah menjadi antara nilai yang dituntut dalam Islam. Sifat ini seharusnya wujud dalam diri setiap Muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT. Amalan hormat-menghormati juga mencerminkan, kemuliaan akhlak seseorang dalam kehidupan bermasyarakat. Namun demikian, Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan perkataan hormat melalui beberapa takrif yang berbeza bergantung kepada konteks penggunaannya seperti yang dihuraikan berikut:

- 1) Mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim;
- 2) Perbuatan untuk menyatakan rasa khidmat atau takzim;
- 3) Menaruh penghargaan (khidmat, takzim);
- 4) Kebesaran, kemegahan, kemuliaan, ketinggian;
- 5) Nama baik, harga diri;
- 6) Kemurnian, kesucian (wanita).

Semua takrifan yang dikemukakan digunakan mengikut konteks dan struktur ayat tertentu bagi menjelaskan maksud perkataan asal hormat. Hal ini kerana perkataan hormat mempunyai pelbagai kata terbitan seperti berhormat, menghormati, terhormat, kehormat, kehormatan, penghormatan dan penghormat. Setiap kata terbitan tersebut membawa maksud yang berbeza bergantung kepada penggunaannya. Selain itu, perkataan hormat turut mempunyai sinonim seperti takzim sopan santun dan khidmat. Oleh itu dapat difahami bahawa konsep hormat

membawa makna yang luas dan berlapis serta ditentukan oleh istilah dan konteks penggunaannya.

Rukun hormat dalam konsep Malaysia Madani membawa impak dan nilai yang positif serta wajar diterapkan dalam kalangan masyarakat. Melalui rukun ini konsep hormat dikaitkan secara langsung dengan maruah manusia. Istilah hormat juga mempunyai pertalian dengan konsep adab yang berasal daripada bahasa Arab. Konsep adab merangkumi makna budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan. Nilai ini tidak hanya berfungsi sebagai panduan tingkah laku individu malah menjadi asas kepada pembentukan sesebuah peradaban. Prinsip hormat ini selari dengan galakan untuk saling beradab dan hormat-menghormati sesama insan. Pelbagai ayat al-Quran dan hadis turut menekankan kepentingan nilai hormat dalam Islam. Amalan hormat-menghormati wajar dipraktikkan dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, latar belakang, bangsa atau warna kulit. Budaya ini akan melahirkan kebaikan dalam kehidupan serta mencerminkan sifat takwa dalam diri orang mukmin. Firman Allah SWT:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعِظْكُمْ شُعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ۚ ۳۲

Maksudnya: Demikianlah (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.

[al-Hajj, 22: 32]

5. Keyakinan

Perkataan "keyakinan" merupakan kata terbitan yang berasal daripada perkataan "yakin". Kedua-duanya mempunyai makna yang tersendiri menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Perkataan "yakin" didefinisikan sebagai betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan, dan lain-lain sesuatu atau seseorang), tidak ragu-ragu (syak-syak) lagi, pasti benar: dia masih tetap, bahawa jalan yang ditempuhnya bukanlah jalan yang salah; mengetahui dengan akan arah kiblat; kami dia akan berjaya dalam pertandingan itu; berkata dengan berkata dengan sungguh-sungguh; meyakini (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Manakala perkataan "keyakinan" pula diertikan sebagai perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan: kita akan menjalankan semula kewajipan kita dengan penuh bahawa Allah akan menjayakan cita-cita kita (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Rukun "keyakinan" dalam konsep Malaysia Madani mempunyai hubungan yang erat dengan prinsip amanah. Keyakinan dalam rukun ini merujuk kepada komitmen moral yang melibatkan pertanggungjawaban duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur asas yang menjamin ketenteraman serta kestabilan masyarakat sepanjang sejarah. Prinsip ini menuntut pemimpin memiliki keyakinan yang tinggi dalam memikul amanah yang diberikan. Pelaksanaan amanah yang berasaskan keyakinan akan membentuk hubungan kepercayaan antara pemimpin dan rakyat. Keadaan ini selari dengan pandangan Mohd Desa, Omar dan Singh (2022) yang menyatakan bahawa kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap tadbir urus kerajaan pada pelbagai peringkat menjadi teras utama yang dibina atas dasar keyakinan, integriti dan keupayaan untuk memenuhi keperluan serta harapan rakyat.

6. Ihsan

“Ihsan” merupakan istilah yang membawa makna peduli dan belas kasihan terhadap orang lain. Nilai ihsan merangkumi sikap mengasihi sesama insan termasuk ahli keluarga, sahabat, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhan, khususnya golongan minoriti dan yang memerlukan. Ihsan bukan sekadar perasaan simpati, tetapi melibatkan usaha untuk menyelami penderitaan serta kesukaran yang dialami oleh orang lain. Sifat ini mendorong seseorang untuk berusaha mencari jalan bagi mengurangkan atau mengubati kesengsaraan tersebut. Konsep ihsan ini selari dengan pengertian yang dibawa dalam kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10. Ihsan juga merupakan nilai yang dituntut dalam Islam kerana ia berasaskan empati dan keprihatinan yang tinggi terhadap kebajikan sesama manusia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “ihsan” ditakrifkan dengan beberapa maksud seperti berikut.

- 1) Beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya;
- 2) Kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik, kemurahan (hati): membuat kepada seseorang atau masyarakat adalah amanah;
- 3) Jasa baik, izin: gambar-gambar itu disiarkan dengan, Jabatan Penerangan;
- 4) Keihsanan sifat murah hati, kebaikan hati, kemurahan hati: mereka tidak seperti mana sahaja manusia yang lain dalam erti kata keluhuran akalinya, dan pengenalan rohaniahnya melampaui batas-batas darah dan dagingnya.

Takrifan-takrifan yang diberikan merujuk kepada maksud ihsan yang digunakan mengikut konteks serta situasi tertentu.

Nilai ihsan mempunyai kedudukan yang tinggi apabila diaplikasikan secara benar dalam kehidupan sama ada dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia, mahupun haiwan. Engku Alwi (2020) menyatakan bahawa antara ciri orang yang bertakwa ialah mereka yang sentiasa berbuat ihsan dalam kehidupan seharian. Perkara ini turut dapat diperhatikan dalam al-Quran, apabila sebanyak 16 ayat yang mengandungi kalimah “Allah mencintai”, lima daripadanya disandarkan kepada golongan yang berbuat ihsan, iaitu muhsinin. Ihsan kepada Allah SWT merujuk kepada ketundukan dan pengabdian manusia yang dilakukan dengan penuh keikhlasan kepada-Nya. Prinsip ini disentuh melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 125:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ۚ ١٢٥

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid) dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya.

[al-Nisa', 4: 125]

PERBINCANGAN

RUKUN MALAYSIA MADANI DALAM KONTEKS PEMBAYAR DAN PENERIMA ZAKAT

Rukun Malaysia Madani merupakan kerangka pembangunan masyarakat yang menekankan nilai keadilan, kesederhanaan dan kebersamaan dalam usaha membina masyarakat yang harmoni dan berdaya saing. Kerangka ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pelaksanaan zakat sebagai instrumen sosial yang menyokong kesejahteraan bersama melalui pengurusan kutipan dan agihan yang adil serta saksama. Pendekatan Rukun Malaysia Madani menjadi semakin signifikan dalam persekitaran Institusi Pengajian Tinggi (IPT) apabila warga universiti terlibat secara langsung sebagai pembayar dan penerima zakat dalam satu ekosistem yang sama. Pelaksanaan zakat yang berlandaskan prinsip-prinsip Madani berupaya mengukuhkan kebersamaan, meningkatkan kesejahteraan sosial dan membina hubungan saling percaya antara institusi zakat dan warga IPT. Sehubungan itu, penerapan Rukun Malaysia Madani dalam konteks ini dapat diperhatikan melalui prinsip-prinsip utama yang menjadi panduan kepada pengurusan zakat di peringkat universiti.

Prinsip Keadilan

Prinsip keadilan merupakan elemen teras dalam Rukun Malaysia Madani yang berkait rapat dengan pengurusan kutipan dan agihan zakat. Prinsip ini selari dengan tujuan zakat dalam Islam yang bertujuan mengurangkan ketidaksamaan sosial dan menjaga kebajikan golongan yang memerlukan. Agihan zakat yang adil dan menyeluruh menjadi asas penting bagi mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat (Ahmad, 2017).

Pelantikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai penolong amil memainkan peranan penting dalam memperkukuh pengurusan zakat di peringkat universiti. Kedudukan IPT yang hampir dengan warga kampus membolehkan proses kutipan dan agihan zakat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berfokus. Peranan ini memudahkan pihak pengurusan zakat IPT mengenal pasti keperluan sebenar pembayar dan penerima zakat dalam kalangan kakitangan serta pelajar. Pendekatan yang lebih dekat ini membantu memastikan bantuan zakat disalurkan kepada golongan asnaf yang layak secara tepat dan berkesan selari dengan keperluan sebenar warga universiti.

Secara keseluruhan, prinsip keadilan berperanan memastikan pengurusan zakat di IPT dilaksanakan secara berkesan dan berintegriti. Pelaksanaan peranan IPT sebagai penolong amil turut mengukuhkan penerapan prinsip ini melalui agihan zakat yang adil, tersusun dan menepati keperluan warga universiti.

Prinsip Kesederhanaan

Prinsip kesederhanaan merupakan rukun kedua dalam kerangka Malaysia Madani yang menekankan keseimbangan dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial. Prinsip ini selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan sikap merendah diri serta mengelakkan sikap berlebihan sama ada sebagai pembayar mahupun penerima zakat.

Penetapan kadar zakat berdasarkan nisab dan jenis harta yang diwajibkan menunjukkan pendekatan yang bersesuaian dengan kemampuan individu. Kaedah ini memastikan kewajipan berzakat dapat ditunaikan tanpa membebankan pembayar zakat secara berlebihan. Kesederhanaan dalam penentuan kadar ini mencerminkan keadilan syariah yang mengambil kira realiti dan keupayaan setiap individu.

Pengamalan prinsip kesederhanaan turut penting dalam aspek penggunaan dan agihan zakat. Dana zakat perlu diurus secara berhemah agar tidak disalahgunakan atau tertumpu kepada kepentingan pihak tertentu. Pendekatan yang sederhana membolehkan sumber zakat dimanfaatkan secara optimum untuk membantu golongan asnaf yang benar-benar memerlukan. Ahmad (2017) menegaskan bahawa penggunaan zakat secara terkawal dan tidak keterlaluan merupakan antara faktor utama yang menjamin keberkesanan fungsi zakat sebagai instrumen kesejahteraan sosial.

Secara keseluruhan, prinsip kesederhanaan berperanan memastikan pengurusan zakat dilaksanakan secara seimbang, beretika dan berlandaskan keperluan sebenar. Penerapan prinsip ini membantu mengekalkan kelestarian dana zakat serta memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat.

Prinsip Kebersamaan

Prinsip kebersamaan merupakan antara teras utama dalam Rukun Malaysia Madani yang menekankan pembinaan masyarakat yang saling menyokong, bertanggungjawab dan bersatu padu. Prinsip ini menghubungkan pembayar dan penerima zakat dalam satu ekosistem sosial yang bertujuan mewujudkan kesejahteraan bersama. Pelaksanaan zakat yang berkesan menuntut penglibatan kolektif semua pihak, termasuk institusi, pembayar dan penerima zakat.

Persekitaran Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memperlihatkan penerapan prinsip kebersamaan apabila warga kampus terlibat secara langsung sebagai pembayar dan penerima zakat. Pelantikan IPT sebagai penolong amil kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) membolehkan pengurusan zakat dilaksanakan lebih hampir dengan komuniti universiti. Keadaan ini menggalakkan rasa kebersamaan apabila zakat yang ditunaikan oleh warga IPT memberi manfaat secara langsung kepada rakan sekampus yang memerlukan.

Usaha meningkatkan kesedaran tentang kewajipan berzakat turut menjadi manifestasi prinsip kebersamaan dalam kalangan warga IPT. Tanggungjawab ini bukan hanya digalas oleh amil universiti, malah memerlukan sokongan bersama daripada pihak pengurusan, kakitangan dan pelajar. Penyampaian maklumat serta perkongsian kefahaman mengenai fungsi zakat berupaya membentuk budaya prihatin dan mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti akademik.

Prinsip kebersamaan juga diperkukuh melalui pematuhan pembayaran zakat kepada institusi zakat yang dilantik secara sah. Pengurusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia berada di bawah bidang kuasa MAIN, manakala IPT berperanan sebagai penolong amil di peringkat universiti. Pembayaran zakat melalui saluran rasmi membantu memastikan pengurusan zakat dilaksanakan secara tersusun, telus dan selaras dengan peruntukan undang-undang. Pendekatan ini penting bagi menjamin kelestarian institusi zakat serta keharmonian tadbir urus zakat.

Secara keseluruhannya, prinsip kebersamaan dalam konteks IPT memperlihatkan peranan zakat sebagai instrumen yang menyatukan warga kampus dalam usaha memelihara kebajikan bersama. Penekanan terhadap kebersamaan, seiring dengan prinsip keadilan dan kesederhanaan, menyokong pengurusan zakat yang lebih berkesan dan berintegriti. Pendekatan ini diyakini mampu mengukuhkan penglibatan warga IPT serta memastikan kebajikan golongan asnaf, khususnya pelajar dan kakitangan yang memerlukan, terus terpelihara.

RUKUN KEYAKINAN DALAM KONTEKS WARGA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) SEBAGAI PEMBAYAR DAN PENERIMA ZAKAT

Rukun Keyakinan dalam kerangka Malaysia Madani merupakan elemen asas yang membina kepercayaan melalui nilai amanah, ketelusan pengurusan dan akauntabiliti terhadap dana zakat yang disumbangkan oleh warga kampus. Keyakinan ini dizahirkan melalui hubungan tanggungjawab yang jelas antara amil universiti pembayar zakat dan penerima zakat bagi memastikan dana zakat dimanfaatkan secara berkesan demi kesejahteraan warga Institusi Pengajian Tinggi secara menyeluruh. Rukun Keyakinan bukan sekadar diukur melalui peningkatan jumlah kutipan zakat tetapi lebih kepada kualiti hubungan kemanusiaan yang terbina atas kesedaran tanggungjawab agama dan keprihatinan terhadap warga kampus yang berada dalam kesempitan.

Warga IPT sebagai Pembayar Zakat (*Muzakki*)

Warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya kakitangan universiti yang mempunyai pendapatan tetap merupakan kumpulan pembayar zakat yang signifikan dalam sistem zakat IPT. Kedudukan ini menjadikan tahap keyakinan pembayar zakat terhadap institusi zakat universiti sebagai faktor penting dalam memastikan kelangsungan kutipan zakat secara konsisten. Selaras dengan rukun Keyakinan dalam gagasan Malaysia Madani, pengurusan zakat di IPT perlu dilaksanakan secara telus, berintegriti dan berakauntabiliti bagi membina kepercayaan warga IPT terhadap sistem kutipan dan agihan zakat yang diuruskan oleh unit zakat universiti.

1. Ketelusan Tadbir Urus Zakat di IPT

Keyakinan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai pembayar zakat berkait rapat dengan tahap ketelusan dan kebolehesanan tadbir urus dana zakat yang diuruskan oleh unit zakat universiti. Pembayar zakat bukan sekadar menunaikan kewajipan agama, malah menuntut jaminan bahawa sumbangan mereka diurus secara amanah, sistematik dan mematuhi prinsip syariah. Oleh itu, penyediaan maklumat yang jelas berkaitan kutipan dan agihan zakat menjadi faktor utama dalam membina kepercayaan berterusan terhadap institusi zakat IPT.

Perkembangan teknologi digital telah membuka ruang baharu kepada pengukuhan keyakinan pembayar zakat melalui sistem pengurusan yang lebih telus dan mesra pengguna. Platform digital zakat yang mengintegrasikan maklumat penggunaan dana secara masa nyata, kandungan pendidikan zakat serta kemudahan pembayaran yang efisien bukan sahaja memudahkan urusan *muzakki*, malah meningkatkan kefahaman dan literasi kewangan Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda warga IPT (Amilahaq et al., 2021). Pendekatan ini turut menyokong pembinaan hubungan yang lebih kukuh antara institusi zakat dan pembayar zakat, selaras dengan tuntutan pematuhan syariah dan prinsip akauntabiliti.

Selain aspek ketelusan, kebolehesanan aliran dana zakat turut menjadi keutamaan pembayar zakat dalam menilai kredibiliti institusi. Keinginan untuk mengetahui ke mana dana zakat disalurkan mendorong keperluan kepada sistem yang mampu menjejak pergerakan dana secara terperinci. Teknologi seperti blockchain berpotensi memenuhi jangkaan ini dengan membolehkan pembayar zakat menelusuri aliran dana secara telus melalui jejak digital yang tidak boleh diubah, sekali gus mengurangkan keraguan terhadap pengurusan institusi zakat

(Nazeri et al., 2023). Kebolehan menjejak aliran zakat secara jelas dilihat sebagai mekanisme penting dalam meruntuhkan persepsi negatif dan meningkatkan tahap keyakinan *muzakki*.

Aspek pelaporan kewangan yang telus dan menyeluruh juga memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh keyakinan pembayar zakat. Pendedahan maklumat kutipan dan agihan zakat secara sistematik melalui laporan tahunan atau portal digital membantu mengurangkan ketidakpuasan hati serta meningkatkan tahap penglibatan warga IPT dalam pembayaran zakat.

Secara keseluruhannya, penerapan prinsip ketelusan, kebolehesanan aliran dana dan pelaporan yang berintegriti mencerminkan penghayatan rukun Keyakinan dalam kalangan pembayar zakat IPT. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan kepercayaan warga IPT terhadap institusi zakat universiti, malah berpotensi meningkatkan tahap pematuhan dan penyertaan aktif dalam pembayaran zakat secara berterusan.

2. Integriti dan Akauntabiliti Amil Zakat IPT

Tahap keyakinan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menyalurkan zakat melalui saluran universiti sangat bergantung kepada integriti dan kecekapan amil yang menguruskan dana zakat. Amil bukan sekadar berfungsi sebagai pentadbir teknikal, malah memikul amanah moral dan agama dalam mengurus harta zakat. Sikap amanah, ketelusan dan profesionalisme dalam melaksanakan tugas menjadi asas utama dalam membentuk kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat IPT.

Keyakinan *muzakki* dapat diperkukuh apabila amil universiti menunjukkan tahap akauntabiliti yang tinggi dalam pengurusan zakat. Akauntabiliti ini merangkumi pematuhan terhadap prosedur yang ditetapkan, kejelasan peranan serta keterbukaan terhadap pemantauan dan audit. Kecekapan amil dalam mengendalikan urusan kutipan dan agihan zakat secara teratur, adil dan tanpa kelewatan yang tidak munasabah turut mempengaruhi persepsi warga IPT terhadap kredibiliti institusi zakat universiti. Pengurusan yang bebas daripada unsur salah guna kuasa atau pecah amanah bukan sahaja meningkatkan kepuasan pembayar zakat, malah mengukuhkan imej institusi zakat IPT sebagai entiti yang boleh dipercayai.

Secara keseluruhannya, integriti dan akauntabiliti amil universiti merupakan faktor utama dalam membina dan mengekalkan keyakinan warga IPT sebagai pembayar zakat. Pelaksanaan tugas yang berteraskan amanah dan kecekapan diyakini mampu memperkukuh kesediaan *muzakki* untuk terus menyalurkan zakat melalui institusi zakat IPT secara berterusan.

3. Sistem Potongan Gaji sebagai Mekanisme Pembayaran Zakat IPT

Sistem potongan gaji merupakan kaedah utama pembayaran zakat dalam kalangan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya kakitangan universiti yang menerima pendapatan tetap. Pelaksanaan kaedah ini mencerminkan tahap keyakinan pembayar zakat terhadap institusi zakat IPT kerana potongan dilakukan secara berterusan tanpa penglibatan langsung pembayar pada setiap bulan. Keadaan ini menuntut pengurusan yang teliti bagi memastikan setiap potongan direkodkan dengan tepat serta dilindungi daripada sebarang bentuk kecuaihan atau manipulasi. Penerapan rukun Keyakinan dalam aspek ini menjadi asas penting bagi menjamin keselamatan harta pembayar zakat.

Pengintegrasian sistem potongan gaji dengan sistem kewangan universiti membantu mewujudkan pengurusan transaksi yang sistematik dan boleh diaudit. Rekod yang teratur meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko kesilapan dalam pengurusan dana zakat.

Pada masa yang sama, kemudahan potongan gaji secara automatik menyumbang kepada peningkatan kepatuhan zakat kerana pembayar dapat menunaikan kewajipan secara konsisten tanpa menjejaskan pengurusan kewangan peribadi. Secara keseluruhannya, sistem potongan gaji yang selamat dan efisien bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran zakat di IPT, malah berperanan penting dalam membina dan mengekalkan keyakinan warga IPT terhadap institusi zakat universiti sebagai saluran yang dipercayai.

4. Saringan Asnaf dan Agihan Setempat dalam Komuniti IPT

Keyakinan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai pembayar zakat dipengaruhi secara langsung oleh integriti dalam proses saringan penerima zakat. Penilaian kelayakan asnaf yang dilaksanakan secara objektif dan berasaskan kriteria yang jelas membantu mengelakkan persepsi pilih kasih serta salah guna kuasa. Penggunaan sistem digital seperti pangkalan data bersepadu dan mekanisme semakan berlapis membolehkan proses saringan dilaksanakan secara lebih telus, konsisten dan adil. Pendekatan ini memberikan jaminan kepada pembayar zakat bahawa bantuan disalurkan kepada individu yang benar-benar layak menerima zakat.

Pendekatan agihan zakat secara setempat turut memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan pembayar zakat IPT. Lokalisasi agihan merujuk kepada penyaluran dana zakat kepada warga universiti sendiri, sama ada pelajar atau kakitangan yang berada dalam kesempitan kewangan. Apabila pembayar mengetahui bahawa sumbangan mereka memberi manfaat secara langsung kepada komuniti IPT, rasa empati dan tanggungjawab sosial dapat diperkukuh. Pada masa yang sama, pendekatan ini membolehkan institusi zakat IPT memahami keperluan sebenar penerima dan menyalurkan bantuan secara lebih bersasar serta berkesan. Secara keseluruhannya, integriti saringan asnaf dan agihan zakat yang dekat dengan realiti warga IPT menjadi asas penting dalam mengekalkan keyakinan pembayar zakat terhadap institusi zakat universiti.

Secara keseluruhannya, keyakinan warga IPT sebagai pembayar zakat dibentuk melalui pengurusan zakat yang telus, berintegriti dan berkesan di peringkat universiti. Ketelusan tadbir urus, akauntabiliti amil, keselamatan sistem potongan gaji serta keadilan dalam saringan dan agihan zakat merupakan elemen utama yang menyumbang kepada pembinaan kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat IPT. Penghayatan rukun Keyakinan dalam aspek-aspek ini diyakini dapat mengukuhkan komitmen warga IPT untuk terus menunaikan zakat melalui saluran universiti secara berterusan.

Warga IPT sebagai Penerima Zakat (*Mustahik*)

Warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menerima zakat merangkumi pelajar dan kakitangan universiti yang berada dalam kesempitan kewangan serta memenuhi kriteria asnaf yang ditetapkan. Tahap keyakinan golongan *mustahik* terhadap institusi zakat IPT amat mempengaruhi keberkesanan bantuan yang diterima, sama ada dari segi kelangsungan pendidikan, kebajikan hidup mahupun kestabilan emosi. Penerapan Rukun Keyakinan Malaysia Madani dalam pengurusan zakat IPT menuntut pelaksanaan agihan yang adil, telus dan berasaskan keperluan sebenar warga kampus. Oleh itu, perbincangan bahagian ini memfokuskan kepada pembinaan keyakinan penerima zakat melalui keadilan agihan, kecekapan sistem permohonan, pemeliharaan maruah serta usaha pemerkasaan asnaf dalam ekosistem IPT.

1. Keadilan dan Ketelusan Agihan Berasaskan Data

Rukun Keyakinan dalam kalangan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai penerima zakat banyak dipengaruhi oleh sejauh mana sistem agihan dilaksanakan secara adil dan telus. Keyakinan ini terbina apabila penerima memahami bahawa bantuan zakat ditentukan berdasarkan keperluan sebenar dan bukannya pertimbangan subjektif atau layanan yang tidak seimbang. Oleh itu, penggunaan instrumen seperti Had Kifayah yang realistik dan disemak secara berkala menjadi asas penting bagi memastikan bantuan yang diterima mencukupi untuk menampung kos sara hidup serta keperluan pendidikan semasa.

Pendekatan agihan berasaskan data turut mengukuhkan keyakinan penerima zakat apabila jumlah bantuan ditentukan melalui penilaian jurang kewangan sebenar yang dihadapi oleh pelajar asnaf. Pelaksanaan sistem agihan zakat melalui Zero Campus Poverty Program di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak menunjukkan bagaimana penggunaan kaedah pengiraan yang berstruktur dan algoritma agihan dapat menyokong penentuan bantuan secara objektif dan konsisten. Dari sudut rukun Keyakinan, mekanisme ini membantu penerima mempercayai bahawa keputusan agihan dibuat secara adil dan berlandaskan keperluan sebenar tanpa dipengaruhi faktor peribadi atau proses tersembunyi (Yaacob et al., 2025).

Keyakinan warga IPT sebagai penerima zakat turut diperkukuh melalui pelaksanaan sistem agihan yang menyeluruh dan inklusif. Agihan yang melibatkan pelbagai kategori asnaf seperti Fakir, Miskin, Fisabilillah, Mualaf dan Ibn Sabil mencerminkan pematuhan kepada prinsip syariah serta nilai keadilan sosial yang menjadi teras Malaysia Madani. Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko keciciran bantuan dan memastikan kebajikan warga IPT yang memerlukan sentiasa diberi perhatian.

Kejelasan syarat kelayakan juga memainkan peranan penting dalam membina keyakinan penerima zakat. Penyediaan maklumat yang mudah difahami berkaitan kriteria permohonan, had kelayakan dan kaedah penilaian membolehkan pelajar serta kakitangan memahami hak mereka dengan yakin. Kejelasan ini mengurangkan rasa ragu dan persepsi ketidakadilan. Pada masa yang sama, ia mengukuhkan kepercayaan warga IPT terhadap institusi zakat universiti sebagai entiti yang adil dan bertanggungjawab.

2. Kecekapan Sistem Permohonan dan Pengurangan Birokrasi

Keyakinan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai penerima zakat banyak dipengaruhi oleh kecekapan sistem permohonan yang dilaksanakan oleh institusi zakat universiti. Proses permohonan yang ringkas dan berasaskan sistem digital membantu mengurangkan tekanan serta beban emosi yang sering dihadapi oleh pelajar asnaf. Apabila urusan permohonan dapat dilaksanakan dengan pantas tanpa keperluan dokumentasi manual yang berulang atau prosedur yang rumit, penerima zakat akan lebih yakin bahawa institusi benar-benar prihatin terhadap kebajikan mereka.

Pelaksanaan sistem permohonan zakat secara dalam talian turut menyokong ketelusan dan keadilan proses pemilihan. Rekod permohonan yang disimpan secara teratur membolehkan penilaian dibuat berdasarkan kriteria yang jelas dan konsisten. Proses yang sistematik ini membantu mengurangkan persepsi pilih kasih serta mengelakkan kekeliruan akibat kelewatan atau ketidakseragaman prosedur. Kecekapan pengurusan permohonan memberi gambaran bahawa bantuan diagihkan secara terancang dan bertanggungjawab.

Penyaluran maklumat yang jelas berkaitan syarat kelayakan turut memainkan peranan penting dalam membina keyakinan penerima zakat. Penerangan terbuka mengenai had kifayah pendidikan, bentuk bantuan yang ditawarkan dan kaedah penilaian membolehkan pelajar memahami asas pertimbangan yang digunakan oleh institusi zakat IPT. Kejelasan ini membantu mengelakkan salah faham serta memastikan pelajar yang layak tidak tercicir daripada bantuan. Keadaan ini seterusnya mengukuhkan persepsi bahawa sistem agihan zakat universiti dilaksanakan secara telus, adil dan berintegriti.

3. Pemeliharaan Maruah dan Privasi Warga Asnaf IPT

Pemeliharaan maruah penerima zakat merupakan asas penting dalam membina keyakinan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap institusi zakat universiti. Rukun Keyakinan menuntut agar pelajar dan kakitangan asnaf dilayani dengan penuh hormat tanpa sebarang stigma atau layanan yang boleh menjejaskan harga diri mereka. Bantuan zakat bukan sekadar sokongan kewangan. Ia juga mencerminkan keprihatinan institusi terhadap kebajikan serta martabat insan. Layanan yang beretika dan beradab menunjukkan bahawa institusi memahami realiti kesukaran yang dihadapi asnaf dan mengiktiraf kedudukan mereka sebagai sebahagian daripada warga IPT.

Penjagaan kerahsiaan maklumat peribadi turut memainkan peranan penting dalam memastikan maruah penerima zakat terus terpelihara. Maklumat berkaitan latar belakang kewangan, tanggungan keluarga dan keadaan sosioekonomi perlu diurus secara beretika dan hanya diakses oleh pihak yang diberi amanah. Kegagalan menjaga kerahsiaan berpotensi menimbulkan rasa malu dan keresahan dalam kalangan penerima. Keadaan ini akhirnya boleh melemahkan keyakinan mereka terhadap sistem bantuan zakat di peringkat universiti.

Penggunaan inovasi digital seperti portal permohonan zakat dalam talian membantu mengurangkan keperluan interaksi bersemuka yang berisiko menimbulkan rasa segan atau tertekan. Sistem ini membolehkan pelajar dan kakitangan asnaf mengemukakan permohonan secara tertutup dan teratur tanpa melalui proses dokumentasi yang berulang atau menjatuhkan maruah. Pendekatan ini menyumbang kepada pembentukan persekitaran kampus yang lebih inklusif dan berperikemanusiaan. Pada masa yang sama, keyakinan warga IPT terhadap institusi zakat universiti dapat diperkukuh melalui pengurusan bantuan yang berempati dan berintegriti.

4. Pemerksaan dan Transformasi Status Asnaf

Pemerksaan modal insan merupakan matlamat utama agihan zakat dalam konteks warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Keyakinan penerima zakat terhadap sistem bantuan universiti memberi kesan langsung kepada motivasi, emosi dan tumpuan mereka dalam kehidupan seharian. Pelajar asnaf yang yakin dengan keadilan dan kecekapan pengurusan zakat cenderung memberi fokus yang lebih baik kepada pengajian tanpa dibayangi tekanan kewangan yang berpanjangan. Keadaan ini membantu membina keyakinan diri serta mendorong pencapaian akademik yang lebih stabil.

Bagi kakitangan IPT berpendapatan rendah pula, keyakinan terhadap institusi zakat universiti diperkukuh melalui penyediaan skim bantuan yang pelbagai dan bersifat realistik. Bantuan yang merangkumi keperluan persekolahan anak, rawatan perubatan, bantuan kecemasan dan bantuan ketika musibah mencerminkan pengurusan zakat yang memahami realiti kehidupan warga IPT. Sokongan seperti ini bukan sekadar meringankan beban

keuangan, malah memberi ketenangan emosi serta rasa dihargai sebagai sebahagian daripada komuniti universiti.

Keyakinan yang terbina melalui sistem bantuan yang tersusun dan berterusan membuka ruang kepada transformasi status asnaf dalam jangka panjang. Program pembangunan modal insan yang dirangka oleh institusi zakat IPT bertujuan membina keupayaan diri penerima zakat agar mereka mampu berdikari dan meningkatkan taraf kehidupan. Proses ini tidak hanya berhenti pada pemenuhan keperluan asas, tetapi mendorong penerima zakat untuk keluar daripada kebergantungan dan seterusnya berupaya menyumbang kembali sebagai pembayar zakat pada masa hadapan. Transformasi ini menzahirkan kejayaan sebenar pengurusan zakat IPT yang berteraskan rukun Keyakinan serta pembangunan insan yang bermaruah dan berkesinambungan.

Secara keseluruhannya, pembinaan keyakinan dalam kalangan penerima zakat di IPT bergantung kepada keupayaan institusi zakat universiti melaksanakan agihan secara adil, telus dan berfokus kepada keperluan sebenar warga kampus. Pendekatan berasaskan data, sistem permohonan yang cekap, pemeliharaan maruah serta program pemerksaan asnaf bukan sahaja meningkatkan keberkesanan bantuan zakat, malah memperkukuh kepercayaan *mustahik* terhadap institusi. Apabila keyakinan ini terbina, zakat bukan lagi dilihat sebagai bantuan sementara, sebaliknya sebagai instrumen pembangunan insan yang menyokong kelangsungan hidup, kecemerlangan akademik dan mobiliti sosial warga IPT selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

RUMUSAN

Artikel ini menegaskan bahawa rukun Keyakinan dalam kerangka Malaysia Madani mempunyai peranan yang sangat penting dalam memperkukuh pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Keyakinan bukan sekadar satu nilai moral tetapi menjadi asas kepada keberkesanan dan kelangsungan sistem zakat apabila warga universiti terlibat secara langsung sebagai pembayar dan penerima zakat. Tahap kepercayaan warga IPT terhadap institusi zakat universiti menentukan sejauh mana zakat dapat diurus secara berkesan dan diterima dengan baik oleh semua pihak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keyakinan pembayar zakat dalam kalangan warga IPT dibentuk melalui ketelusan tadbir urus, integriti dan akauntabiliti amil, keselamatan sistem potongan gaji serta keadilan dalam proses saringan dan agihan zakat. Faktor-faktor ini mempengaruhi kesediaan kakitangan dan pelajar untuk terus menyalurkan zakat melalui saluran universiti secara konsisten. Bagi penerima zakat pula, keyakinan terhasil melalui agihan yang adil dan berasaskan keperluan sebenar, kecukupan sistem permohonan, pemeliharaan maruah serta pendekatan pemerksaan yang membantu mereka keluar daripada tekanan kewangan secara berperingkat.

Secara keseluruhannya, penerapan rukun Keyakinan dalam pengurusan zakat IPT membantu meningkatkan kepatuhan pembayar zakat serta memaksimumkan manfaat bantuan kepada golongan asnaf. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Malaysia Madani yang menekankan tadbir urus beretika, keadilan sosial dan kesejahteraan bersama. Kajian ini mencadangkan agar rukun-rukun Malaysia Madani yang lain turut diterokai dalam konteks pengurusan zakat IPT bagi memperkukuh lagi peranan zakat sebagai instrumen pembangunan sosial dan kemanusiaan yang mampan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (Ipt) Ke Arah Membangun Malaysia Madani Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN:

- Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2024). Pengurusan Amil Zakat di Institut Pengajian Tinggi: Isu Dan Cabaran: Amil Zakat Management In Higher Education Institutions: Issues And Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 142-152.
- Ab Rahman, A., Romli, A. B., Abd Shakor, M. F., Daud, M. N., & Matali, A. (2024). Amalan wakalah pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi Malaysia: Practise of the wakalah in zakat management at Malaysia higher education institutions. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 80–89. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no3.616>
- Ahmad, A. R. (2017). Keadilan dalam pengagihan zakat di Malaysia: Analisis isu dan cabaran. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad, F. A., & Hassan, R. (2019). Application of Maqasid al-Shariah in zakat institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 5(2), 427-448.
- Ali, M. A. (2018). Zakat institutions and Rukun Negara: A Malaysian perspective. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 9(3), 419-432.
- Amilahaq, F., Wijayanti, P., & Pertiwi, B. C. (2021). Managing Islamic financial planning inclusion in Indonesia. *Tazkia Islamic Finance and Business Review*, 15(1).
- Anwar Ibrahim. (2023). Membangun negara madani: Visi dan kerangka dasar reformasi. Institut Darul Ehsan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Daya Cipta" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=daya+cipta>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Hormat" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hormat>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Ihsan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ihsan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Keyakinan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keyakinan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Madani" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=madani>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Mampan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mampan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Sejahtera" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sejahtera>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Yakin" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=yakin>.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2020, Julai 5). Pemantapan keyakinan, akidah lahir kesempurnaan iman. MyMetro. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/07/707455/pemantapan-keyakinan-akidah-lahir-kesempurnaan-iman>.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2020, November 27). Berbuat ihsan dalam kehidupan. My Metro <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/11/646504/berbuat-ihsan-dalam-kehidupan>.

- Hailani b. Muji Tahir. (2009). Konsep agihan zakat dan aplikasi semasa. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1. 32-54.
- Mahmud, R. R., Hashim, I., Ahmad, S., Mohamad, A. B. H., & Ahmad, S. H. (2015). Inovasi dalam Pengurusan Zakat di UPSI: Kesannya Terhadap Kepuasan Asnaf dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 7(1), 101-112.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (2001). Pendekatan kepada cara pengagihan dana zakat yang dinamik sesuai dengan suasana semasa. Dlm Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Desa, Z., Omar, A. S., & Sigh, K. (2022). Kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam pemeraksanaan urus tadbir Kerajaan Negeri Sarawak: Analisis dari perspektif rakyat. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, Vol. 13., 215-217.
- Nazeri, A. N. N., Nor, S. M., Rahman, A. A., Majid, M. A., Hamid, A., & Ngayesah, S. (2023). Exploration of a new zakat management system empowered by blockchain technology in Malaysia. *ISRA international journal of islamic finance*, 15(4), 127-147.
- Rosliza @ Rosli Mahmud, Ibrahim Hashim & Mohd Azhar Mamat. (2011). Inovasi dalam pengurusan zakat: Pengalaman Universti Pendidikan Sultan Idris. Kertas kerja persidangan majlis hal ehwal Islam institusi Pengajian Tinggi Malaysia pada 22-24 November 2011.
- Salleh, M. C. M., & Chowdhury, M. A. M. (2020). Technological transformation in Malaysian zakat institutions. *International Journal of Zakat*, 5(3), 44–56.
- Sodiq, Amirus. (2015). Konsep kesejahteraan dalam Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 3(3).
- Wahyu, I. C. D. K. (2020). Implementasi Pendidikan Nilai Dan Konsep Masyarakat Madani Dalam Pembelajaran IPS. *BIHARI: Jurnal Pendidikan Sejarah Dan Ilmu Sejarah*, 3(1).
- Wahyudi, M. Arifky. (2022, November 27). Sejarah Masyarakat Madani dan pandangannya dalam Islam. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/arifkywahyudi29/6382eaac9557ec2f5f1b1ac2/sejarah-masyarakat-Madani-dan-pandangannya-dalam-islam>.
- Yaacob, H. R. M., Arshad, M. F., Fathil, F., Md Noh, A. M., & Mohd, T. (2025). Implementation of the zakat distribution system at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch as a measurement instrument for the Zero Poverty Campus Program achievement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 201–218. <https://doi.org/10.7187/GJATSI12025-13>
- Zainal Fikri Zamzuri & Ismadi Baharuddin. (2011). ICT dalam zakat dlm. Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Rawi Nordin, (editor). *Fiqh zakat Malaysia*, hlm. 305-317. Shah Alam: Pusat penerbitan Universiti MARA (UPENA).
- Zulfiani, A. (2019). Anwar Ibrahim’s political thoughts on civil society and its relevance to politics in Malaysia. *International Journal on Social Science, Economics and Art*, 9(3), 143–157. <https://ijosea.isha.or.id/index.php/ijosea/article/download/35/33>